

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

15 February 2016



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dan sempat melayan permintaan bergambar ketika mengadakan perjumpaan dengan diaspora dan pelajar Malaysia di Rumah Malaysia, Los Angeles, semalam. Perdana Menteri dalam rangka lawatan kerja tujuh hari ke Los Angeles, Sunnylands dan San Francisco hingga 17 Februari ini. -BERNAMA

# Najib tidak kesal laksanakan GST

Um-15/2/2016

■ LOS ANGELES 14 FEB.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau tidak kesal melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kerana kerajaan perlu mengambil tindakan tegas walaupun tidak popular demi faedah dan masa depan negara.

Bercakap di hadapan kira-kira 300 pelajar dan diaspora rakyat Malaysia di sini, Najib menjelaskan, pelaksanaan GST adalah seperti mengambil ubat yang agak pahit pada masa ini tetapi penting bagi membolehkan kehidupan lebih baik kemudiannya.

Menurutnya, tindakan tegas oleh kerajaan pentadbirannya itu banyak mengimbangi kesan cabaran ekonomi semasa akibat kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia dan kemerosotan harga minyak serta komoditi.



Zulkefli  
Hamzah

Melaporkan dari  
LOS ANGELES, AMERIKA SYARIKAT

"GST adalah perlu semasa negara mengalami kehilangan hasil sebanyak RM40 bilion tahun ini berikutan kejatuhan harga minyak dan komoditi.

"Bayangkan tanpa GST, betapa besar kesannya ke atas ekonomi negara dan kebajikan rakyat," katanya dalam majlis minum petang itu yang diadakan di kediaman rasmi Konsul Besar Malaysia, Raja Saifull Ridzwan Raja Kamaruddin kira-kira 50 kilometer dari bandar Los Angeles.

Majlis itu yang diadakan di tempat terbuka di belakang rumah Konsul

Besar, tidak seperti kebiasaannya di dewan hotel. Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Dalam ucapannya itu, Najib yang dalam rangka lawatan kerja seminggu ke Amerika Syarikat mengulangi ikrarnya untuk terus berusaha membina Malaysia yang lebih cemerlang.

Kata beliau, kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah bagi meringankan beban rakyat ke arah satu cara yang lebih bermakna dalam mengukuhkan masa hadapan mereka.

"Malaysia sedang berusaha ke arah ekonomi yang lebih berdaya tahan demi faedah rakyatnya. Kita mahu rakyat dari Perlis hingga ke Sabah merasakan Malaysia sebagai tempat yang hebat didiami," katanya, Perdana Menteri turut menjelas-

kan langkah pengubahsuaian Bajet 2016 baru-baru ini yang kata beliau, langkah itu bertujuan menghasilkan pertumbuhan ekonomi mampan ketika berlaku cabaran ekonomi global semasa.

Sambil memetik laporan badan dan agensi antarabangsa tentang optimisme ekonomi Malaysia seperti daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bloomberg, Najib mengingatkan rakyat Malaysia agar waspada terhadap mereka yang hendak merosakkan dan menggugat kestabilan negara.

Tindakan pihak yang mempunyai kepentingan politik itu, tegas Perdana Menteri, tidak mengutamakan negara.

Najib juga menggesa mereka yang bekerja dan belajar di luar negara agar membawa pulang kemahiran inowasi, kreativiti dan budaya positif di negara mereka berada demi manfaat Malaysia. -UTUSAN